

UMS-Leiden buat kajian bersama

U/M 15.11.2012 22

KOTA KINABALU 14 Nov. -

Dalam memperkasa bidang kajian dan penyelidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus mengadakan pelbagai usaha termasuk menjalankan kerjasama di peringkat antarabangsa.

Terbaharu, UMS menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Pusat Naturalis Biodiversiti, Universiti Leiden, Amsterdam.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah berkata, kerjasama tersebut merangkumi penyelidikan bersama dalam bidang biodiversiti marin dan biodiversiti terestrial.

“Salah satu bidang tumpuan adalah kajian terumbu karang yang akan dilaksanakan bersama Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) UMS sekali gus mengukuhkan lagi pengiktirafan IPMB sebagai Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi Berpotensi oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

“Selain itu, kedua-dua pihak menerusi kerjasama ini juga akan mengadakan mobiliti staf akademik dan pertukaran maklumat penyelidikan dari semasa ke semasa,” katanya di sini baru-baru ini.

Mohd. Harun berkata, sebanyak dua staf akademik UMS kini sedang melanjutkan pengajian di peringkat doktor falsafah di universiti berkenaan dalam bidang terumbu karang dan biologi evolusi.

Katanya, kerjasama itu merupakan susulan lawatan kerja rasmi Yang Dipertua Negeri Sabah yang juga Canselor UMS, Tun Juhar Mahiruddin ke universiti berkenaan pada Mac lalu.